

BAB II

PENDIDIKAN REMAJA MUSLIM

2.0 Pengenalan

Dalam bab ini, penulis membahagikan kepada dua sub tajuk iaitu:

- (i) Pendidikan Islam yang merangkumi definisi, tujuan, ciri-ciri dan skopnya.
- (ii) Pendidikan remaja yang merangkumi huraihan tentang remaja dan perkara yang berkaitan dengan pendidikan remaja iaitu tanggung jawab pendidikan, matlamat pendidikan remaja dalam Islam, elemen-elemen utama dalam pendidikan remaja, institusi-institusi pendidikan remaja dan teknik-teknik pendidikan remaja.

2.1 Pendidikan Islam

2.1.1 Definisi Pendidikan

Pendidikan berasal daripada akar kata “didik” yang bererti pelihara, jaga (dengan hati-hati) dan ajar. Menurut *Kamus Dewan*, pendidikan bermaksud perihal mendidik. Mendidik bermaksud menjaga (memelihara) dan melatih (mengajar).

Didikan pula bermaksud kaedah mendidik dan berpendidikan bererti mendapat pendidikan manakala pendidik adalah orang yang mendidik.¹ Dalam bahasa Inggeris, perkataan seerti dengan pendidikan ialah *education*.² Menurut kamus *Times-Chambers*, *education* bermaksud proses atau sistem pengajaran di sekolah dan di *establishment* yang lain, pembangunan pengetahuan seseorang dan pengalaman yang dilalui oleh seseorang jika ia mempelajari sesuatu daripada pengalaman tersebut. *To educate* bererti mengajar seseorang untuk berkelakuan menurut sesuatu cara dan *educated* bermaksud memiliki standard ilmu yang tinggi.³ Dalam bahasa Arab, perkataan seerti dengan pendidikan atau *education* ialah *tarbiyyah*.⁴ Menurut Najib Khalid al-'Amir, *tarbiyyah* berasal daripada kata *rabbaba-rabba-yurabbi* yang ertinya memperbaiki sesuatu dan meluruskannya.⁵ Ibn Qayyim al-Jauziyyah menyatakan bahawa kata *rabba* bererti merawat, mendidik, memimpin, menjaga, memperbaiki dan mengembangkan.⁶ Menurut al-Baiḍāwī, *rabb* memiliki erti yang sama dengan kata *tarbiyyah*, iaitu menghantarkan sesuatu kepada kesempurnaan dengan cara bertahap.⁷

Dr. Hasan bin Ali Hasan al-Hijazy dalam merumuskan definisi *tarbiyyah* menurut pandangan Ibn Qayyim al-Jauziyyah menerangkan bahawa pendidikan (*tarbiyyah*) ialah membimbing anak-didik dengan bimbingan yang sebaik-baiknya,

¹ *Kamus Dewan*, op.cit., h. 303

² Joyce M. Hawkins (1991), *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. Petaling jaya: Fajar Bakti Sd. Bhd., h. 150

³ *Times-Chambers Essential Dictionary*, Federal Publications (S) Pte. Ltd., Singapura, 1995, h. 769

⁴ N.S.Doniach (ed.) (1972), *The Oxford English-Arabic Dictionary of Current Usage*. Oxford: Oxford at the Clevendin Press, h. 372

⁵ Najib Khalid al-'Amir (1995), *Tarbiyah Rasulullah*. Jakarta: Gema Insani Press, h. 21

⁶ Dr. Hasan bin Ali Hasan al-Hijazy (2001), *Manhaj Tarbiyah Ibnu Qayyim*. Muzaidi Hasbullah (terj.), Jakarta Timur: Pustaka al-Kautsar, h. 74

⁷ *Ibid.*, h. 76

merawat, memperhatikan pertumbuhan badannya serta memberi makanan yang baik untuk tumbesarnya. Di samping itu, kerja-kerja mendidik ialah dengan membina akhlak anak didik serta membina, mengarah dan mengajarkan kepada mereka beberapa disiplin ilmu pengetahuan secara bertahap-tahap dan selalu memperhatikan urusan dan gerak-geri mereka sehingga mereka mampu memfokuskan tenaga, daya dan perhatian mereka kepada sesuatu yang berfaedah bagi kehidupan meraka.⁸ Seorang lagi penulis iaitu Najib Khalid al-'Amir memberikan erti pendidikan (*tarbiyyah*) sebagai menyampaikan sesuatu kepada kesempurnaan, menentukan tujuan dan pengajaran yang dilakukan secara berperingkat dan bersinambungan.⁹

Berdasarkan definisi-definisi di atas, penulis memetik pendapat Prof. Dr. Abdul Halim Hj. Mat Diah untuk menyimpulkan erti pendidikan :

- (i) Pendidikan adalah suatu proses yang menuju ke arah kesempurnaan yang dilalui oleh anak didik.
- (ii) Dalam proses itu anak didik dibimbing oleh pendidik secara sengaja atau sedar.
- (iii) Pendidikan itu diarah untuk mencapai sesuatu tujuan, iaitu membentuk keperibadian yang tertentu.

⁸ Al-Hijazy (2001), *op.cit.*, h. 75

⁹ Najib Khalid al-'Amir (1995), *op.it.*, h. 22

- (iv) Tujuan pendidikan itu disesuaikan dengan dasar pendidikan sesuatu bangsa (atau kelompok).¹⁰ Di samping itu penulis menambah bahawa pendidikan itu adalah :
- (v) Suatu proses yang bertahap atau berperingkat.
- (vi) Ia merangkumi proses memberikan ilmu pengetahuan, memerhati, menjaga dan merawat perkembangan anak didik.
- (vii) Suatu yang diperolehi daripada didikan pendidik dan pengalaman seperti membaca, melihat, mendengar dan mengalami.
- (viii) Di samping itu, menurut Muḥammad Quṭub pendidikan itu adalah medan untuk menerapkan sifat-sifat yang terpuji.¹¹

2.1.2 Definisi Pendidikan Islam

Prof. Madya Dr. Abdul Halim Hj. Mat Diah memberi maksud pendidikan Islam sebagai proses yang dilalui oleh anak didik dengan bimbingan yang dilakukan secara sengaja oleh pendidik untuk mencapai tujuan membentuk manusia muslim berdasarkan ajaran Islam.¹² Dr. Muḥammad Fāḍil al-Jamālī menyatakan bahawa pada masa kini pendidikan Islam perlu menekankan kepentingan kehidupan beragama dan berakhlaq dengan akhlak yang mulia dalam kehidupan insan masa kini.¹³ Menurut Dr. Yūsuf al-Qardāwi, pendidikan Islam merupakan pendidikan manusia selengkapnya; akal dan hatinya, rohani

¹⁰ Abdul Halim Hj. Mat Diah (1987), *op.cit.*, h. 42

¹¹ Muḥammad Quṭub (t.t.), *Manhāj al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*. Al-Qāhirah: Dār al-Qalam, h. 146

¹² Abdul Halim Hj. Mat Diah (1987), *op.cit.*, h. 44

¹³ Dr. Muḥammad Fāḍil al-Jamālī (1985), *Naḥwā Tarbiyyah Mu'minah*. Tunis: al-Shārikah al-Tunisiyyah li al-Tauzī'

dan jasmaninya serta moral dan tingkah lakunya.¹⁴ Berdasarkan pendapat-pendapat di atas, penulis merumuskan bahawa pendidikan Islam adalah:

- (i) Proses pendidikan secara bertahap atau berperingkat untuk membentuk keperibadian muslim.
- (ii) Proses mewarnai individu muslim dengan watak Islam agar ia memiliki sahsiah muslim dan membezakannya daripada mereka yang bukan Islam.
- (iii) Proses menanamkan kecintaan akan Allah s.w.t, RasulNya dan Islam , memandang tinggi akhlak yang mulia dan beramal dengannya.

2.1.3 Tujuan Pendidikan Islam

Tujuan pendidikan Islam yang asasi, tidak lain dan tidak bukan ialah membina insan yang taat dan patuh hanya sanya kepada Allah s.w.t. yang mana itulah matlamat utama diciptakan jin dan manusia.¹⁵

Menurut Ibn Khaldun, tujuan pendidikan Islam, selain bertujuan keagamaan, ia juga bertujuan ilmiah-keduniaan sebagai persiapan untuk menjalani kehidupan di dunia ini.¹⁶ Anak didik perlu memahami bidang agama dan menguasai bidang

¹⁴ Dr. Yusuf al-Qardawi (1986), *Sistem Pendidikan Ikhwan al-Muslimin*. Moh. Nabhan Husein (terj.), Johor Bahru: Thinkers Library Sdn. Bhd., h. 37

¹⁵ Lihat al-Quran, Surah al-Dhāriyat: ayat 56

¹⁶ Abdul Halim Hj. Mat Diah (1987), *op.cit.*, h. 55

profesional dan kemahiran agar mereka dapat menjalani kehidupan di dunia ini dengan sempurna dalam rangka ber‘*ubudiyah* kepada Allah s.w.t.

Berdasarkan kenyataan di atas, bolehlah disimpulkan bahawa tujuan pendidikan Islam ialah membentuk atau membina keperibadian Muslim¹⁷ iaitu individu muslim yang ber‘*ubudiyah* kepada Allah s.w.t. dalam segala urusan hidupnya atau menyesuaikan hidupnya selarasnya dengan petunjuk Allah s.w.t. dan syariatNya.¹⁸

2.1.4 Ciri-ciri Pendidikan Islam

i. Seimbang dan Bersepadu

Salah satu ciri penting pendidikan Islam ialah ia mengambil kira fitrah manusia. Ia bersifat seimbang, bersepadu dan lengkap. Manusia bukan hanya jasmani yang berdiri sendiri tetapi dalam diri manusia terangkum rohani, jasmani, akal dan emosi. Islam memberi perhatian untuk mendidik keseluruhan fakulti insan.

ii. Positif

Pendidikan Islam juga bersifat positif iaitu memadukan semua daya atau potensi yang ada pada manusia dan membina potensi-potensi itu agar menjadi kekuatan

¹⁷ *ibid.*, h.60

¹⁸ Prof. Yusof al-Qardhawi (1984), *Ibadah dalam Islam*. Hj. Hasan Idris (terj.), Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, h. 42

yang positif, bukan kekuatan yang negatif yang membawa kemusnahan kepada kemanusiaan.

iii. Realisme-idealistik

Pendidikan Islam juga bersifat realisme-idealistik atau idealisme-realistik iaitu ia mendidik anak didiknya untuk hidup dalam realitinya bukan untuk hidup dalam alam fantasi. Ia menempatkan mereka menurut apa yang ada pada mereka, mengakui batas-batas kemampuan mereka dan memenuhi keperluan mereka.¹⁹

Kesimpulannya, pendidikan Islam bersifat holistik atau bersepada dengan mengambilkira fitrah manusia dalam usahanya menyediakan manusia untuk hidup di alam nyata bagi mengumpulkan bekalan untuk hidup di alam Akhirat.

2.1.5 Skop (Isi) Pendidikan Islam:

Pendidikan yang baik ialah pendidikan yang mampu menciptakan keseimbangan dalam kehidupan seseorang.²⁰ Isi atau skop pendidikan remaja haruslah luas atau menyeluruh meliputi segenap aspek kehidupan remaja agar dapat melahirkan remaja muslim yang berketrampilan. Bolehlah disimpulkan bahawa pendidikan remaja muslim haruslah mencakupi pendidikan dan pengajaran yang berbentuk keagamaan dan akhlak serta pendidikan dan pengajaran yang berbentuk

¹⁹ Muhammad Qutub (1984), *Sistem Pendidikan Islam*. Drs. Salman Harun (terj.), Bandung: PT al-Ma'arif, h. 27-48

²⁰ Ahmād 'Uthmān (1982), *Tarbiyyah al-Aulād wa al-Abnā' fī al-Islām*. Bairūt: Qutaibah., h. 174

keduniaan.²¹ Menurut Ibn Qayyim al-Jauziyyah, pendidikan agama (*tarbiyyah dīniyyah*) harus diberikan seimbang dengan pendidikan kemahiran dan ketrampilan (*tarbiyyah mihaniyyah*)²² Antaranya, skop pendidikan Islam meliputi:

i. Pendidikan Iman (*Tarbiyyah Īmāniyyah*)

Pendidikan iman bermaksud mengikat anak didik dengan dasar-dasar iman, rukun-rukun Islam dan dasar-dasar syariat.²³ Ia juga adalah aktiviti yang dilakukan oleh *murabbī* terhadap anak didiknya dalam menjaga iman mereka, meningkatkan kualiti dan menyempurnakannya. Pendidikan iman bertujuan untuk menanamkan keimanan dalam jiwa remaja hingga keimanan itu membawa tindakan iaitu beramal dengan ajaran Islam kerana hakikat iman ialah *taṣdīq* dalam hati dan dibuktikan dalam amalan oleh anggota tubuh badan.²⁴ Pendidikan iman atau tauhid adalah merupakan dasar atau asas kehidupan manusia kerana mereka yang tidak mempunyai keimanan yang teguh tidak akan menemui kebahagian yang dicitacitakan di dunia apatah lagi di Akhirat.²⁵ Pendidikan iman sangat penting dan menjadi asas atau dasar kerana iman adalah penggerak atau pendorong amal. Apabila iman bertakhta dalam hati akan lahirlah amalan yang membenarkan keimanan tersebut.²⁶ Pelaksanaan kehidupan berdasarkan ajaran Islam bergantung kepada kekuatan iman kerana kesempurnaan iman dan kesempurnaan Islam adalah

²¹ Abdul Halim Hj. Mat Diah (1987) *op.cit.*, h. 65

²² al-Hijazy (2001), *op.cit.*, h. 84

²³ ‘Abd Allāh Nāṣīḥ ‘Ulwān (1985), *Tarbiyyah al-Aulād fi al-Islām*, j. 1, c. 9. al-Qāhirah: Dār al-Salām, h. 151

²⁴ Sa‘id Ḥawwā (1979), *Tarbiyyatunā al-Rūbiyyah*. Bairūt: Dār al-Kutub al-‘Arabiyyah, h. 29

²⁵ Abdul Halim Hj. Mat Diah (1987), *op.cit.*, h. 65

²⁶ Sa‘id Ḥawwā (1979), *op.cit.* h. 28

dua perkara yang sama. Islam yang sempurna bermaksud hati dan anggota tubuh badan komited dengan ajaran Islam manakala kesempurnaan iman bermaksud pemberian oleh hati dan pembuktian oleh anggota tubuh badan.²⁷ Matlamat Pendidikan Iman bagi remaja ialah:

- (i) Mendidik remaja agar memperhambakan dirinya hanya sanya kepada Allah s.w.t. dan mentaatiNya semata-mata.
- (ii) Mewujudkan peribadi remaja *sālih* yang hanya beriman kepada Allah s.w.t., memiliki ilmu yang bermanfaat, beramal dengannya dan menyeru manusia kepada ajaran Islam.
- (iii) Memelihara seluruh anggota badan remaja daripada kemurkaan Allah s.w.t.²⁸
- (iv) Membentuk remaja yang ikhlas yang menjadikan iman dan keyakinan akan ganjaran Allah s.w.t sebagai pendorong amal dan rasa takut kepada kemurkaan Allah s.w.t sebagai benteng kemaksiatan.
- (v) Membina remaja yang sanggup bersusah payah, mampu menempuh rintangan dan bersabar serta tetap pendirian dalam menghadapi cabaran, semata-mata kerana mengharapkan syurga Allah s.w.t.²⁹

²⁷ *Ibid.*, h. 29

²⁸ al-Hijazy (2001), *op.cit.*, h. 112-114

²⁹ Sayyid Qutb (t.t.), *Milestones*. (t. terj.), Iowa, U.S.A.: Unity Publishing Co., h. 30-31

ii. Pendidikan Pemikiran (*Tarbiyyah Fikriyyah*)

Maksud pendidikan pemikiran ialah mengerahkan daya dan kemampuan untuk mengembangkan akal, mendidik dan meluaskan wawasan berfikir, sama ada kemampuan itu dikerahkan oleh *murabbi*³⁰ dengan mendidik orang lain ataupun dikerahkan oleh individu terhadap dirinya sendiri dalam rangka mengembangkan dan mendidik akal fikiran dan meluaskan medan berfikirnya.³¹ Antara kepentingan pendidikan pemikiran ialah melahirkan remaja yang mempunyai kefahaman Islam yang mendalam dan memiliki ilmu pengetahuan serta membolehkan mereka menggunakan ilmu pengetahuan tersebut sebagai modal untuk mewujudkan peluang-peluang yang kompetitif³² bagi kemajuan diri dan agamanya.

iii. Pendidikan Sosio-emosi (*Tarbiyyah ‘Afiyyah*)

Pendidikan sosio-emosi ialah mengarahkan dan memimpin *gharżéah* atau naluri manusia seiring dengan kecintaan dan keredaan Allah s.w.t.³³ kerana jika tidak dididik dengan betul ia boleh menjadi penghalang kepada pembangunan jiwa.³⁴ Antara naluri-naluri itu ialah sedih (*al-huzn*), gembira (*al-farḥ*), takut (*al-khauf*), cinta (*al-maḥabbah*),³⁵ pemuas (*al-khajl*), rendah diri (*al-shu'ūr bi al-Naqṣ*), *al-hasad* dan marah (*al-ghaḍab*).³⁶

³⁰ al-Hijazy (2001), *Op.cit.*, h. 158

³¹ Abu Bakar Abdul Majid (2002), *Making the Best of Both Worlds*, j. 1. Kuala Lumpur: Institute of Islamic Understanding Malaysia, h. 196

³² al-Hijazy (2001), *op.cit.* h. 175

³³ *Ibid.*, h. 176

³⁴ *Ibid.*, h. 177-191

³⁵ 'Abd Allāh Nāṣīḥ 'Ulwān (1985), *op.cit.*, j. 1, h. 302

iv. Pendidikan akhlak (*Tarbiyyah Khuluqiyah*)

Pendidikan akhlak bermaksud melatih remaja berakhlak mulia dan memiliki kebiasaan yang terpuji, sehinggalah akhlak dan kebiasaan itu terbentuk menjadi keperibadian dan sifat yang tertanam kuat dalam diri remaja tersebut yang mana natijahnya remaja mampu meraih kebahagian hidup di dunia dan akhirat kerana dapat membebaskan diri daripada jerat-jerat akhlak yang buruk.³⁶

Antara yang terpenting dalam pendidikan akhlak ialah mendidik anak-anak dengan adab-adab³⁷ dan kebiasaan yang baik (*khuluq al-adab*)³⁸ seperti adab berinteraksi dengan kedua ibu bapa³⁹, adab berinteraksi dengan guru dan ulamak, adab menghormati, adab persaudaraan dan persahabatan, adab meminta izin, adab makan minum, adab penampilan diri dan adab mendengar serta memperhatikan maksud al-Qurān.⁴⁰

Termasuk dalam pendidikan akhlak juga ialah pendidikan bersifat benar (*khuluq al-ṣidq*) Sifat *al-ṣidq* ini adalah asas yang terpenting daripada asas-asas akhlak. Di samping itu perlu didik remaja agar menjaga kerahsiaan (*khuluq hifz al-asrār*) yang mana ia sangat baik bagi masa hadapannya seperti dalam kehidupan berkeluarga dan hubungannya dengan anggota masyarakat. Remaja akan dipercayai

³⁶ Ibid., h. 203-204

³⁷ Adab ialah perbuatan yang terpuji sama ada dalam bentuk kata-kata maupun tingkah laku. Lihat Muhammad Nür bin ‘Abd al-Hāfiẓ Suwaid (1992), *Manhāj al-Tarbiyyah al-Nabawiyah li al-Tifl*. Kuwait: Maktabah al-Manār al- Islāmiyyah, h. 158

³⁸ *ibid.*, h. 158

³⁹ *Ibid.*, h. 161

⁴⁰ *Ibid.*, h. 161-172

oleh keluarga dan masyarakat kerana sifatnya yang menjaga kerahsiaan dan tidak menyebarkan keburukan orang lain. Sifat amanah (*khuluq al-amānah*) juga perlu dihiasai pada diri remaja kerana Rasulullah s.a.w dari zaman kanak-kanak lagi terkenal sebagai *al-Sādiq al-Amīn* (seorang yang bersifat benar dan amanah). Remaja juga perlu dididik dengan sifat baik sangka dan menjauhi rasa benci (*khuluq salāmah al-ṣadr min al-ahqād*). Sifat ini membuktikan seseorang itu mempunyai keseimbangan dalam jiwynya dan akan mendorongnya mengingini kebaikan terhadap masyarakatnya.⁴¹

v. Pendidikan Jasmani (*Tarbiyyah Badaniyyah* atau *Jismiyah*)

Seseorang muslim perlu memiliki tubuh badan yang kuat dan sihat agar ia mampu melaksanakan titah perintah Allah s.w.t. dengan mudah. Tujuan pendidikan Jasmani adalah agar anak-anak membesar dewasa dengan keadaan jasmani atau fizikal yang kuat (*quwwah al-jism*), badan yang sejahtera (*salāmah al-badan*), sihat dan bersemangat⁴² seterusnya menjadi pekerja yang sihat dan kuat dalam usaha memartabatkan agama Islam.

vi. Pendidikan Sosial (*Tarbiyyah Ijtimā‘iyah*)

Pendidikan sosial bertujuan melahirkan remaja yang iltizam dengan adab-adab sosial yang mulia dan memiliki ciri-ciri sosio-emosi yang baik yang

⁴¹ *Ibid.*, h. 172-174

⁴² ‘Abd Allāh Nāsih ‘Ulwān (1985), *op.cit.*, j. 1, h. 213

mendasarkannya kepada akidah Islamiah yang abadi dan perasaan keimanan yang mendalam. Natijah daripada pendidikan ini remaja mampu tampil dalam masyarakat dengan pergaulan dan budi pekerti yang baik, memiliki akal yang seimbang dan matang serta tindakan yang bijaksana.⁴³

vii. Pendidikan Seksual (*Tarbiyyah Jinsiyyah*)

Pendidikan seksual bermaksud memberikan kepada remaja maklumat ilmiah dan penerangan yang baik tentang permasalahan seksual mengikut kadar yang diperlukan berdasarkan pertumbuhan jasmani, psikologi, akli, fizikal dan kemasyarakatannya.⁴⁴ Matlamat pendidikan seksual bagi remaja ialah:

- (i) Menambahkan pengetahuan yang betul kepada remaja tentang hal-hal seksual.
- (ii) Memberikan maklumat ilmiah tentang persoalan seksual berdasarkan apa yang diterangkan oleh al-Quran dan al-Sunnah.
- (iii) Mewujudkan hubungan yang sejahtera antara kedua jantina berdasarkan kefahaman yang mendalam terhadap kaedah-kaedah *diniyyah* dan akhlak Islam.
- (iv) Menambahkan pengetahuan yang betul berdasarkan apa yang telah diterangkan oleh fekah Islam.⁴⁵

⁴³ *Ibid.*, h. 353

⁴⁴ Ahmad 'Uthmān (1982), *op.cit.*, h. 236

⁴⁵ *Ibid.*, h. 237

Antara adab-adab yang perlu ditekankan dalam pendidikan seksual ialah:

- (i) Adab meminta izin
- (ii) Adab memandang
- (iii) Menghindarkan remaja daripada ransangan-ransangan seksual.
- (iv) Mengajarkan remaja tentang hukum-hukum yang berkaitan seksual pada masa praremaja hingga pertengahan remaja.
- (v) Perkahwinan dan hubungan seksual.
- (vi) Mensucikan diri dengan berpuasa sekiranya tidak mampu berkahwin⁴⁶

viii. Pendidikan Ketenteraan (*Tarbiyyah 'Askariyyah*)

Seramai 85,000 daripada lebih 400,000 remaja yang berumur 18 tahun pada 2004 dipilih untuk menyertai Program Latihan Khidmat Negara selama tiga bulan di pusat-pusat latihan yang ditetapkan. Objektifnya adalah untuk menanamkan semangat patriotik, membina watak dan melatih sikap berkhidmat kepada masyarakat.⁴⁷

Asas bagi pendidikan ketenteraan ialah semangat kesetiaan. Dalam Islam kesetiaan dihubungkan dengan *dīn*. Tujuan pendidikan ketenteraan dalam Islam adalah untuk melatih semangat kesetiaan kepada *dīn* dan sanggup bekerja dan berkorbannya untuknya.⁴⁸ Kewajipan mempertahankan negara termasuk dalam

⁴⁶ *Ibid.*, h. 522-578

⁴⁷ *New Straits Times*, Selasa, 9 Disember 2003, h. 1 dan 5 dan *Berita Harian*, Sabtu, 14 Jun 2003, h. 1 dan 2

⁴⁸ Muhammad Jamāl al-Dīn Maḥfūz (1984), *op.cit.*, h. 201

kesetiaan kepada *dīn* kerana Islam adalah negara⁴⁹ dan watan.⁵⁰ Setiap individu muslim berkewajipan mempertahankan dan menghalang musuh dari merampas *Dār al-Islām*.⁵¹ Pendidikan Islam pada zaman Rasulullah s.a.w. telah melahirkan remaja yang gagah berani seperti ‘Alī bin Abī Ṭālib,⁵² Usāmah bin Zaid,⁵³ ‘Abd Allāh bin ‘Umar, Zaid bin Thābit dan al-Barā’ bin ‘Āzib.⁵⁴ Semasa Perang Uhud seramai 11 orang remaja tidak dibenarkan berperang kerana belum cukup umur 15 tahun tetapi dua orang daripada mereka akhirnya dibenarkan iaitu Rāfi‘ bin Khadīj dan Samūrah bin Jundub kerana ketegapan badan dan kepandaian memanah.⁵⁵

⁴⁹ Hasan al-Banna (1984), *Usul Dua Puluh*. Alias Osman (terj.), Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h. 8

⁵⁰ *Ibid.*, h. 10

⁵¹ *Ibid.*

⁵² Beliau memeluk Islam ketika berumur 10 tahun dan merupakan lelaki pertama yang memeluk Islam dan solat bersama Rasulullah s.a.w. Lihat Ibn Kathir (2000), *The Life of the Prophet Muhammad*, j. 1. Prof. Trevor Le Gassick (terj.), Reading, U.K.: Garnet Publishing Court, h. 313

⁵³ Beliau dilantik menjadi panglima perang ketika belum berumur 20 tahun. Lihat Dr. Majid Ali Khan (1982), *The Pious Caliphs*. Kuwait: Islamic Book Publishers, h. 32

⁵⁴ Mereka menyertai Perang Khandaq ketika berusia 15 tahun. Lihat Muhammad Yasin Mazhar (1993), *Organisasi Kerajaan Pimpinan Rasulullah*. Khalil Mohd. Zain dan Md. Yunus Md. Said (terj.), Kuala Lumpur: DBP, h. 169

⁵⁵ *Ibid.* h. 168-169

2.2 PENDIDIKAN REMAJA

Dalam sub tajuk ini penulis membincangkan dua perkara utama iaitu:

- (i) Remaja; yang merangkumi definisi remaja, skop umur remaja, fasa-fasa perkembangan remaja, kelompok-kelompok remaja, psikologi remaja, kumpulan rakan sebaya dan masalah remaja.
- (ii) Pendidikan Remaja; yang membincangkan tentang tanggung jawab pendidikan remaja, matlamat pendidikan remaja, institusi pendidikan remaja dan teknik-teknik pendidikan Remaja.

2.2.1 Remaja

i. Definisi Remaja

Menurut *Kamus Dewan*, kata remaja bermaksud mulai dewasa, sudah akil naligh dan sudah cukup umur untuk berkahwin. Remaja putera dan remaja puteri adalah pemuda dan gadis yang sudah mulai dewasa (mulai timbul rasa cinta berahi).⁵⁶ *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar* memberi erti remaja sebagai *adolescent* yang ditujukan kepada seseorang yang berumur antara usia kanak-kanak dan dewasa.⁵⁷ *Kamus Times-Chambers* pula memberi erti *adolescent* sebagai orang muda, khasnya yang berumur antara 13 dan 16 tahun, yang menuju dari alam kanak-kanak

⁵⁶ *Kamus Dewan*, op.cit., h. 1121

⁵⁷ Joyce M. Hawkins (1991), *op.cit.*, h. 173

ke alam dewasa. Manakala kata *adolescence* merujuk kepada peringkat pertumbuhan seseorang itu dari alarp kanak-kanak ke alam dewasa.⁵⁸ Menurut Dr. Muḥammad Jamāl al-Dīn Maḥfūz, kata *adolescence* berasal dari kata Latin *adoleſcere* yang bermaksud perubahan di sekitar anggota badan, alat kelamain, akal dan tingkah laku.⁵⁹ Kata *rahiqa* yang merupakan akar kata *murāhiq* dan *murāhaqah* bermaksud sampai kepada umur, sampai kepada kematangan seksual dan menjadi remaja.⁶⁰ Menurut Dr. Aḥmad ‘Uthmān kata *al-Murāhiq* merujuk kepada pemuda yang mendekati kematangan dan mencapai usia baligh (*adolescent*) manakala kata *al-murāhaqah* merujuk kepada peringkat pertumbuhan dari masa akhir kanak-kanak hingga bermulanya kedewasaan (*adolescence*).⁶¹

John W. Santrock menyatakan bahawa remaja adalah suatu jangka masa antara kanak-kanak dan dewasa, antara pergantungan kanak-kanak dan sifat berdikari dewasa.⁶² The Social Science Encyclopedia mentakrifkan remaja sebagai periode antara puber dan dewasa.⁶³ Kata puber (*puberty*) merujuk kepada kematangan seks yang ditunjukkan oleh bermulanya pertumbuhan bulu-bulu pada tubuh seseorang kanak-kanak lelaki dan perempuan ataupun oleh perubahan-perubahan dalam bentuk mempermain-mainkan atau tindakan mengelak peraturan

⁵⁸ Kamus Times-Chambers (1995), op.cit., h. 15

⁵⁹ Muḥammad Jamāl al-Dīn Maḥfūz (1984),op.cit, h. 25

⁶⁰ Hans Wehr (1980), *A Dictionary of Modern Written Arabic*. London: MacDonald & Evans Ltd., h. 362

⁶¹ Aḥmad ‘Uthmān (1992), op.cit, h. 175

⁶² John. W. Santrock (2002),op.cit, h. 351

⁶³ Adam Kuper dan Jesica Kuper (1985), *The Social Science Encyclopedia*. London: Routledge and Kegan Paul, h. 7

dan undang-undang sosial.⁶⁴ Menurut Ibrahim Mamat, remaja mempunyai beberapa pengertian iaitu:

- (i) Seorang muda yang beransur-ansur meningkat menjadi orang dewasa, yang mulai matang atau pandai berfikir sendiri dalam membezakan antara yang baik dan yang buruk serta yang betul dan yang salah.
- (ii) Dihubungkan dengan istilah Arab “akil baligh” iaitu sudah cukup umur untuk berkahwin apabila timbul rasa cinta berahi.
- (iii) Dikaitkan dengan konsep juvana yang dipinjam daripada bahasa Bahasa Inggeris, *juvenile*, yang bererti anak muda. Mengikut konsep ini remaja bukan lagi kanak-kanak, tetapi pada masa yang sama bukan pula dewasa. Dalam erti kata lain, remaja ialah mereka yang sedang mengalami proses pemantapanan fizikal, intelek, rohani emosi.⁶⁵

ii. Skop Umur Remaja:

Bagi sebahagian kanak-kanak, tanda-tanda keremajaan telah bermula ketika berumur sembilan tahun khasnya kanak-kanak perempuan. Antara tandanya ialah kedatangan haid. Oleh itu, bolehlah dikatakan bahawa umur sembilan tahun adalah

⁶⁴ Muhd. Mansur Abdullah dan Siti Nordinar Mohd. Tamin (1988), *Psikologi Remaja*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd., h. 17

⁶⁵ Ibrahim Mamat (1997), *Memimpin Remaja Sekolah Teori dan Praktik*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd., h. 5

permulaan umur remaja. Peringkat umur ini biasanya disebut sebagai praremaja. Umur 21 tahun adalah had akhir umur remaja kerana pada tahap ini remaja sudah mencapai kematangan sama ada dari segi mental maupun fizikal.

iii. Fasa-fasa Perkembangan Remaja:

Daripada aspek psikologi perkembangan, periode remaja ini boleh pula dibahagikan kepada beberapa fasa perkembangan. Muhammad Mansur Abdullah dan Siti Nordinar Mohd. Tamin mengkategorikan remaja kepada tiga fasa iaitu fasa praremaja (bermula dari umur sembilan atau sepuluh tahun), fasa remaja (berakhir pada umur 17 atau 18 tahun) dan fasa belia.⁶⁶ Dr. Muḥammad Jamāl al-Dīn Maḥfūz juga mengkategorikan perkembangan remaja kepada tiga fasa atau *marḥalah* iaitu fasa praremaja (*mā qabla al-Murāḥaqah*) dari umur 10 hingga 12 tahun, fasa awal remaja (*al-murāḥaqah al-mubakkirah*) dari umur 13 hingga 16 tahun dan fasa akhir remaja (*al-murāḥaqah al-mutaakhhirah*) dari umur 17 hingga 21.⁶⁷ Dr. Aḥmad ‘Uthmān juga mengkategorikan kepada tiga fasa iaitu fasa awal remaja (*al-murāḥaqah al-mubakkirah*) dari umur 12 hingga 14 tahun, pertengahan remaja (*al-murāḥaqah al-wuṣṭā*) dari umur 15 hingga 17 tahun dan akhir remaja (*al-murāḥaqah al-mutaakhhirah*) dari umur 18 hingga 20 tahun.⁶⁸ Berdasarkan pendapat-pendapat di atas penulis merumuskan bahawa perkembangan remaja boleh dibahagikan kepada empat fasa iaitu:

⁶⁶ Muhd. Mansur Abdullah dan Siti Nordinar Mohd.Tamin, *op.cit.*

⁶⁷ Muḥammad Jamāl al-Dīn Maḥfūz, *op.cit.*, h. 26-27

⁶⁸ Dr. Aḥmad ‘Uthmān, *op.cit.*, h. 23

- (i) Fasa pra remaja, dari umur sembilan hingga 11 tahun
- (ii) Fasa awal remaja, dari umur 12 hingga 14 tahun
- (iii) Fasa pertengahan remaja, dari umur 15 hingga 17 tahun
- (iv) Fasa akhir remaja, dari umur 18 hingga 21 tahun.

iv. Kelompok-kelompok Remaja:

Terdapat juga kajian yang dibuat terhadap kelompok remaja. Menurut Mohamad Nasir Saladin dan Noreha Mohamed Yusof, secara umumnya, remaja boleh dibahagikan kepada tiga kelompok iaitu:

- (i) Remaja bersekolah: Berumur antara 12 hingga 19 tahun atau yang berada dalam tingkatan satu hingga tingkatan enam atas.
- (ii) Remaja bekerja: Di Malaysia biasanya remaja yang berada dalam kelompok ini berumur 18 tahun ke atas. Menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), umur yang melayakkan seseorang bekerja secara sah ialah 18 tahun ke atas.
- (iii) Remaja tidak bekerja: Mereka juga dikenali sebagai penganggur. Secara umumnya mereka terdiri daripada remaja yang berusia 18 tahun ke atas.⁶⁹

⁶⁹ Mohamad Nasir Saludin dan Noreha Mohamed Yusof (2002), "Strategi Menangani Gejala Sosial Remaja: Kajian Kes di Kuala Lumpur" dalam Lukman Z. Muhammad *et al.*, *Keluarga, Gender dan Cabaran Sosial di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn.Bhd., h. 200-202

Kajian di atas tidak memasukkan kelompok remaja di institusi pengajian tinggi (IPT) iaitu golongan yang bermur antara 18 hingga 21 tahun. Pada pendapat penulis, remaja di IPT adalah kelompok yang tersendiri kerana mereka mempunyai budaya yang tersendiri.

v. Psikologi Perkembangan Remaja:

Sub tajuk ini perlu dibincangkan kerana dengan memahami perkembangan rohani, intelek, emosi dan fizikal remaja, para *murabbi* dapat menentukan teknik pendidikan yang sesuai bagi mereka. Dalam membincangkan hal ini penulis mengategorikannya kepada empat fasa berdasarkan fasa-fasa perkembangan remaja. Dengan cara ini dapat dilihat perbezaan-perbezaan antara satu fasa dengan fasa yang lain. Fasa-fasa itu ialah praremaja, awal remaja, pertengahan remaja dan akhir remaja. Di samping itu penulis juga memasukkan fasa puber kerana perkembangan masa puber sangat mempengaruhi perlakuan remaja. Penulis juga menyentuh tentang kumpulan rakan sebaya kerana ia sangat berpengaruh kepada pembentukan personaliti remaja dan boleh menjadi pembantu atau penghalang kepada keberkesanan pendidikan. Penulis juga memberi perhatian kepada masalah remaja kerana sebelum dijelaskan tentang pendidikan remaja, masalah-masalah mereka perlu diperjelaskan agar rawatan yang diberikan adalah sesuai dengan masalah yang dihadapi.

a. Praremaja (9 – 11 tahun)

Alam praremaja disebut juga masa akhir alam kanak-kanak. Dalam masa inilah berlakunya pertumbuhan yang agak pesat, terutama dari aspek tingkah laku serta keinginan untuk memasuki kelompok yang sama jantina atau sejenis. Antara ciri-ciri yang jelas dalam fasa ini ialah semangat dan keinginan berkomplot, gemar permainan berpasukan serta memiliki sikap bermusuhan dengan golongan berlainan jantina, mempermain-mainkan dan menolak setengah-setengah peraturan dan undang-undang sosial. Dari segi fizikal, mereka telah memasuki usia puber iaitu mula tumbuh bulu-bulu pada tubuh mereka yang menunjukkan mereka mulai mengalami kematangan seks.⁷⁰

b. Awal remaja (12-14 tahun):

Selalunya remaja akan berubah dari segi tubuh badannya sama ada membesar, memanjang dan sebagainya. Malah jika remaja itu perempuan, dia sudah mampu melahirkan anak, jika dia berkahwin. Remaja peringkat ini suka bermusuhan dengan remaja berlainan jantina. Namun sikap bermusuhan ini hanyalah suatu ekspresi yang melindungi perasaan ghairah yang muncul secara mendadak akibat perubahan-perubahan yang pesat pada diri remaja.⁷¹ Perubahan emosi juga berlaku dengan lebih ketara berbanding semasa kanak-kanak. Mereka menjadi pemalu tetapi sangat mudah bertindak, beremosi, sensitif dan kadang-kadang menunjukkan

⁷⁰ Muhd. Mansur Abdullah dan Siti Nordinar Mohd. Tamin, *op.cit.*, h. 17

⁷¹ *Ibid.*, h. 24

kegelisahan dan keresahan. Keinginan untuk mendapatkan pengetahuan seks mula tumbuh subur dalam jiwa mereka.⁷²

Pada peringkat ini juga terdapat kecenderungan yang kuat untuk mendapat kebebasan daripada ibu bapa mereka atau melepaskan diri daripada ikatan dan kekuasaan keluarga serta mendapatkan status dan keselamatan emosinya dalam kumpulan rakan sebaya mereka. Mereka sudah berani membantah perintah ibu bapa serta guru-guru mereka tetapi dalam masa yang sama sedia menerima arahan daripada ketua kumpulan rakan sebaya mereka.⁷³ Di rumah mereka lebih suka menyendiri. Suatu hal yang nyata mereka sangat terikat dengan kumpulan rakan sebaya mereka dan sanggup menukar perangai mereka demi mendapatkan status dalam kumpulan tersebut. Melalui kumpulan rakan sebaya ini juga mereka mendapat konsep perhubungan dengan jantina yang berlainan, cara berpakaian, penampilan diri dan sebagainya.⁷⁴ Pada peringkat ini, konflik dengan ahli keluarga berada pada kemuncak.⁷⁵ Di samping itu mereka mungkin melakukan eksperimen badan (masturbasi).⁷⁶

⁷² *Ibid.*, h. 20-21

⁷³ *Ibid.*, h. 21-22

⁷⁴ *The World Book of Encyclopedia*, j. 1, World Book International, London, 1995, h. 79

⁷⁵ Ernest R. Hilgard (1962), *Introduction to Psychology*, c.3. New York: Harcourt, Brad and World Inc., h. 102

⁷⁶ ADOL:Normal Adolescent Development, <http://education.indiana.edu/cas/adol/development.html>, 24 Oktober 2002

c. Pertengahan Remaja(15-17 tahun):

Pada peringkat ini konflik dengan ahli keluarga mulai menurun.⁷⁷ Masa inilah mereka cuba membuat atau melakukan sesuatu yang boleh memperlihatkan kematangan mereka supaya dianggap dewasa. Pada peringkat ini mereka lebih suka melakukan kegiatan-kegiatan yang lebih bersifat kesenian dan kebudayaan.⁷⁸ Terdapat setengah-setengah remaja yang merungut terhadap ibu bapa yang mengganggu kebebasan mereka. Terdapat tendensi untuk mencari kawan-kawan baru serta memberi tumpuan kepada kumpulan rakan sebaya yang baru. Mereka meneroka pengalaman dalaman dan mungkin menulis diari. Mereka juga mula menunjuk minat terhadap kegiatan intelek serta mula mengarahkan minat terhadap kegiatan kreatif dan kerjaya. Kecenderungan untuk menarik perhatian jantina yang berlainan mula mengambil tempat serta timbul perasaan cinta dan berahi. Pada peringkat ini, mereka juga mula memilih *role models*, mempunyai kapasiti yang lebih untuk menetapkan matlamat dan berminat terhadap pemikiran moral (*moral reasoning*).⁷⁹

d. Akhir Remaja (18 –21 tahun)

Dalam masa ini remaja mula menghadapi banyak suasana yang menuntut penyesuaian diri kerana sebahagian besar daripada mereka telah tamat sekolah dan memasuki alam baru – ke IPT , bekerja ataupun mengganggur. Mereka sudah mulai

⁷⁷ *Op.cit.*

⁷⁸ Muhd. Mansur Abdullah dan Siti Nordinar Muhd.Tamin, *Op.cit.*, h. 19

⁷⁹ Adol: Normal Adolescent Development, *op.cit.*

dapat berkompromi, memiliki emosi dan minat yang lebih stabil. Mereka juga sudah mempunyai sikap untuk berdikari dan prihatin terhadap orang lain. Remaja peringkat ini juga memiliki keprihatinan yang tinggi terhadap masa hadapan dan memikirkan peranannya dalam kehidupan. Mereka juga memiliki kapasiti untuk meluah dan menerima perasaan cinta. Dalam masa ini mereka mempunyai kemampuan untuk menggunakan pandangan dalaman (*insight*), menekankan maruah diri dan sifat kendiri, berkemampuan menetapkan matlamat dan mengikutnya serta menerima institusi sosial dan tradisi budaya.⁸⁰

e. Fasa Puber

Dalam bahasa Inggeris, fasa ini disebut *puberty* atau *al-bulugh* dalam bahasa Arab. Puberty berasal daripada perkataan latin, *Pubertas* yang bermaksud umur kelelakian.⁸¹ Santrock menjelaskan bahawa puber adalah periode pertumbuhan yang pesat ke arah kedewasaan dalam aspek pertumbuhan kerangka tubuh badan dan organ seksual yang sebahagian besarnya berlaku pada fasa awal remaja.⁸² Hal ini disebabkan oleh peningkatan yang mendadak dalam aktiviti beberapa ginjal (*glands*) seperti ginjal *hypothalamus*, *peneal*, *pituitary* dan seksual.⁸³ Biasanya remaja perempuan mengalami puber dua tahun lebih awal daripada remaja lelaki.⁸⁴ Pada permulaan puber, payudara dan pinggul remaja perempuan membesar dan

⁸⁰ ADOL: Normal Adolescent Development, *op.cit.*

⁸¹ Dr. Ahmad 'Uthmān (1992), *op.cit.*, h. 174

⁸² J.W. Santrock (2002), *op.cit.*, h. 346

⁸³ *The World Book of Encyclopedia* (1995), *op.cit.* h. 78.

⁸⁴ Santrock (2002), *Op.cit.*, h. 351

bulu tumbuh di bahagian ketiak dan sekitar kemaluannya. Kira-kira setahun selepas itu, dia mengalami haidnya yang pertama.

Apabila remaja lelaki memasuki puber, bulu tumbuh di sekitar kemaluan, muka dan bahagian lain badannya. Kemaluannya menjadi lebih besar, bahunya menjadi lebih lebar dan suaranya menjadi lebih garau.⁸⁵ Biasanya bagi remaja lelaki, mimpi berahi (*wet dreams*) adalah tanda permulaan pubernya.⁸⁶ Kebanyakan remaja perempuan memasuki puber ketika usia 11 tahun manakala lelaki ketika usia 13 tahun. Puber berakhir apabila mereka mencapai kematangan seksual yakni mereka mampu melahirkan anak iaitu biasanya dua atau tiga tahun selepas bermulanya puber.⁸⁷ ‘Abd Allāh Nāṣīḥ ‘Ulwān menyatakan bahawa peringkat umur antara 10 hingga 14 tahun adalah fasa kehidupan manusia yang paling genting. Jika pendidik mengerti cara mendidik anak, cara menghindarkannya dari suasana yang boleh merosakkan dan cara mengerahkannya ke arah kebaikan, maka lazimnya anak itu akan membesar berbudi pekerti yang baik, berakhhlak mulia dan memiliki pendidikan Islam yang tinggi.⁸⁸

vi. Kumpulan Rakan Sebaya

Usia remaja adalah suatu masa di mana interaksi antara rakan sebaya menjadi lebih nyata. Ikatan persahabatan dihasilkan melaui pembentukan kumpulan rakan sebaya

⁸⁵ *The World Book of Encyclopædia* (1995), Op.cit.

⁸⁶ Santrock (2002),*Op.cit.*, h. 346

⁸⁷ *The World Book of Encyclopedia*, *Op.cit.*

⁸⁸ ‘Abd Allāh Nāṣīḥ ‘Ulwān (1985),*op.cit.*, j. 2, c. 9., h. 522

yang menjadi komponen penting dalam proses perkembangan remaja khasnya dalam pembentukan identiti. Identiti bermaksud domain psikososial yang berkaitan dengan perasaan dan pemikiran kendiri. Kumpulan rakan sebaya menjadi lebih penting semasa remaja daripada semasa kanak-kanak kerana ia memainkan peranan utama dalam pembentukan identiti sosial. Identiti sosial pula penting bagi pembentukan kemahiran sosial dan kemahiran kendiri.⁸⁹

Ketika permulaan remaja, banyak perubahan yang berlaku pada diri seseorang remaja. Mereka meninggalkan sekolah rendah dan memasuki sekolah menengah yang enviromennya lebih besar. Masa ini juga pemikiran mereka mula matang dan mula memikirkan tentang identiti mereka. Tidak seperti di sekolah rendah, di sekolah menengah, ramai guru yang mengajar mereka, menyebabkan mereka tidak dapat berhubung rapat dengan seseorang guru. Ini mendorong mereka bergantung kepada rakan sebaya mereka. Kebiasaan kumpulan rakan sebaya ini dianggotai oleh mereka yang mempunyai minat yang sama. Mereka berasa gembira dan ‘lega’ kerana mereka juga mendapati ada orang lain yang mempunyai perasaan dan pemikiran yang sama dengan mereka. Kumpulan ini memberi peluang kepada mereka untuk berkomunikasi, memperkayakan kemahiran bersosial dan juga memberi peluang untuk berinteraksi dengan ahli dari kalangan jantina yang berlainan.⁹⁰

⁸⁹ Kathryn Parry, Peer Groups and Sosial Development,

<http://www.personal.psu.edu/faculty/n/xnx10/bullying/group7/kaytgrp7.html>, 25 Oktober 2002

⁹⁰ Ibid.

Kemahiran bersosial kelak membentuk identiti personal seseorang remaja.

Dalam kumpulan rakan sebaya ini remaja belajar untuk bergaul yang memberikannya identiti sementara ke arah pembentukan identiti personal yang lebih konkret. Periode awal remaja adalah masa di mana seseorang anak itu mula berasa ingin lebih bebas daripada ibu bapa mereka. Mereka mula meminta lebih autonomi daripada *authority figures* untuk menunjukkan bahawa mereka sedang meningkat dewasa. Oleh sebab kumpulan rakan sebaya bersifat *supportive* dan ahli-ahlinya memiliki perasaan dan pemikiran yang sama, kumpulan ini mengisi kekosongan yang timbul akibat keadaan mereka yang lebih bebas daripada ibu bapa mereka. Cara mereka menanggap sesuatu perkara tidak sama dengan ibu bapa mereka. Mereka mula berfikir tentang dunia di sekeliling mereka melalui hubungan sosial dalam kumpulan mereka yang memainkan peranan utama dalam pembentukan identiti kendiri remaja.⁹¹

Oleh sebab kumpulan rakan sebaya ini memainkan peranan yang penting dalam kehidupan remaja, ia memberi kesan yang besar terhadap kehidupan mereka:

- (i) Kesan Positif: Menghasilkan remaja yang berjaya, matang, berkualiti dan berilmu.
- (ii) Kesan Negatif: Membawa mereka ke arah perlakuan sosial yang tidak sihat, rosak akhlak, berfikiran negatif dan suka kepada aktiviti devian atau salah laku. Remaja mudah mengikuti contoh-contoh perlakuan rakan mereka tanpa memikirkan kesan baik buruk terhadap diri mereka,

⁹¹ *Ibid.*

keluarga dan masyarakat. Dalam usia yang begitu muda, remaja dikatakan tidak cukup matang untuk menilai hakikat kehidupan

Memandangkan kumpulan rakan sebaya memainkan peranan yang besar dalam kehidupan remaja khasnya dalam pembentukan identiti kendiri mereka, maka sewajarnyalah diberi perhatian untuk membimbing dan mendidik mereka agar memilih rakan sebaya yang sesuai.

vii. Masalah-masalah Remaja

Dalam sub tajuk ini penulis membincangkan faktor-faktor yang menyebabkan timbulnya kenakalan dan salah laku remaja serta jenis kenakalan dan salah laku yang biasanya dilakukan oleh remaja kini. Masalah-masalah yang ditimbulkan oleh remaja saling berkait antara perubahan kimia yang berlaku dalam diri mereka dan pengaruh yang ada di sekitar mereka. Dengan sifat remaja yang penuh dengan perasaan ingin tahu, pengaruh tersebut cepat mengambil tempat dalam hati dan pemikiran mereka.

a. Faktor-faktor Penyebab

a(i) Pengaruh Rakan Sebaya

Remaja dalam kumpulan rakan sebaya biasanya diikat dengan peraturan yang dicipta sesama ahli kumpulan. Kadang-kala peraturan yang dibentuk itu menyimpang daripada nilai dan norma masyarakat.⁹²

a(ii) Proses Pemodenan dan Tanggungjawab keluarga

Proses pemodenan dan industrialisasi menjadikan fungsi ibu bapa semakin mencabar. Kesibukan bekerja yang menjadikan masa untuk bersama anak-anak sangat terhad menyebabkan mereka tidak dapat memberikan tumpuan sewajarnya terhadap pendidikan anak-anak mereka.⁹³

a(iii) Pengaruh Media Cetak dan Elektronik

Ketidakmatangan remaja dan kurang bimbingan keluarga menyebabkan remaja tidak dapat menilai dengan betul perkara yang dibaca dan ditonton. Peniruan imej yang melulu adalah disebabkan remaja sedang dalam proses mencari identiti yang sesuai untuk mereka. Dalam proses ini mereka akan memilih idola untuk disanjungi. Kurangnya perhatian dan tapisan ibu bapa atau pendidik menyebabkan

⁹² Mohamad Nasir Saladin dan Noreha Mohamed Yusof, *op.cit.* h.207

⁹³ *Ibid.*, h. 208

mereka terpengaruh dengan imej yang buruk dan memilih idola yang tidak sesuai.⁹⁴ Kehadiran internet sebagai sumber maklumat dan hiburan menjadikan cabaran ini lebih hebat.

a(iv) Persekutaran

Tingkah laku seseorang adalah hasil daripada interaksi antara keperluannya dengan persekitaran. Keperluan itu melibatkan keperluan untuk memperolehi sesuatu atau mempengaruhi orang lain.⁹⁵ Remaja yang mempunyi konsep kendiri yang rendah akan mudah dipengaruhi oleh persekitarannya. Mereka akan berasa ‘tidak selamat’ atau tidak kuat untuk mempertahankan nilai-nilai yang dipelajari dari keluarganya menyebabkan dia menuruti nilai dan amalan yang diterima pakai oleh remaja lain disekitarnya. Pendidikan remaja harus melihat bagaimana untuk membangunkan konsep kendiri remaja yang tinggi agar mereka dapat mempertahankan nilai-nilai yang baik dalam persekitaran di mana sahaja mereka berada.

b. Salah laku dan Kenakalan Remaja

Antara masalah yang ditimbulkan oleh remaja ialah merokok, lepak, menagih dadah, berkhalwat, zina, pelacuran, memeras ugut, bergaduh, mencuri, merosakkan harta benda orang, mengotori dan merosakkan tandas awam, lari dari rumah dan sebagainya. Penulis tidak membincangkan masalah-masalah di atas dalam kajian

⁹⁴ *Ibid.*, 209

⁹⁵ Bryce B Hudgins *et.al.* (1983), *Educational Psychology*. Illinois, U.S.A.: F.F. Peacock Publishers, Inc., h.389

ini kerana telah banyak diperkatakan oleh media elektronik dan media cetak. Di sini penulis akan membincangkan jenis kenakalan yang biasanya dianggap normal oleh masyarakat, tetapi pada hakikatnya ia menimbulkan masalah kepada remaja itu sendiri, keluarga mereka dan masyarakat. Antaranya ialah:

b(i) Memberontak

Sikap memberontak ini dimanifestasikan dalam beberapa bentuk seperti mengikari arahan atau peraturan yang ditetapkan, mengasingkan diri atau mendiamkan diri. Sikap ini berpunca daripada pertembungan nilai yang cuba dipertahankan oleh ramaja dengan peraturan yang ada disekitarnya. Mereka juga mungkin menghadapi masalah daripada keluarga dan sekolah seperti tekanan untuk kejayaan dalam keluarga dan di sekolah. Remaja yang terganggu atau rosak fikirannya disebabkan suasana rumah tangga yang kucar-kacir, mendukacitakan dan tidak berdaya menenuhi kehendak guru dan ibu bapa boleh juga menunjukkan tanda-tanda memberontak. Di samping itu pengaruh individu yang didampinginya seperti remaja lain yang nakal sudah tentu akan mewarnai sifat ini dalam diri mereka.⁹⁶

b(ii)Bercinta dan Berpasangan

Keremajaan dianggap sebagai musim untuk bertemu, berkenalan dan bercinta. Hal ini digembar-gemburkan oleh televisyen, video cakera padat, internet dan media

⁹⁶ Rohaty Mohd. Majzub (1998). *Memahami Jiwa Remaja*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd., h.37-38

cetak tentang tema dan aksi cinta yang menggemarkan tarikan heteroseksual. Akibatnya remaja mula berkawan dengan jantina yang berlainan, mengadakan temu janji, bercinta dan berpasangan atau berdua-duan.⁹⁷ Ada yang pergi lebih jauh dengan melakukan hubungan sulit luar nikah. Hal ini adalah peniruan secara membabi buta tehadap budaya Barat yang mana kesannya mendatangkan imej yang buruk terhadap diri remaja muslim, keluarga dan agamanya.

b(iii) Merokok

Remaja merokok kerana beberapa sebab. Antaranya ialah contoh yang dilihatnya daripada orang dewasa seperti datuk, ayah dan ahli keluarganya yang lain. Di samping itu rakan sebaya dan iklan-iklan syarikat rokok yang menampilkan unsur-unsur *glamour* juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi remaja merokok.

b(iv) Penggunaan Internet

Kira-kira 60 peratus pengguna internet adalah golongan remaja dan muda-mudi. Apa yang menjadi masalah ialah internet adalah gedung maklumat dan terdapat dalamnya maklumat-maklumat yang salah seperti pornografi yang mudah dicapai oleh penggunanya dengan hanya sekali dua klik sahaja. Selain daripada itu mereka juga melibatkan diri dalam *inter relay chat* (IRC) yang banyak diisi dengan

⁹⁷ *Ibid.*, h. 10.

'sembang-sembang' kosong sahaja.⁹⁸ Ia membuka laluan kepada penyebaran unsur-unsur yang tidak sihat di kalangan remaja. Perkara ini semakin menjadi lumrah di kalangan remaja setelah internet menjadi popular di Malaysia. Remaja yang telah ketagih melayari internet dan *chatting* atau sembang-sembang melalui ruangan siber, kerap membuang masa di depan komputer sama ada di rumah ataupun di kafe siber. Sembang-sembang ini ada kalanya membawa kepada pertemuan antara lelaki dan perempuan dan ada kalanya berakhir dengan perkara-perkara yang tidak baik seperti hubungan sulit luar nikah dan rogol.

Justeru itu, ibu bapa Muslim perlu menyedari hakikat bahawa anak-anak khasnya remaja perlu diawasi dalam memberikan kebenaran kepada mereka untuk menggunakan internet. Ibu bapa perlu menetapkan masa yang sesuai bagi anak-anak mereka untuk menggunakan internet,⁹⁹ meletakkan komputer di ruang yang terbuka dan memberikan syarat-syarat yang tertentu agar ia tidak disalahgunakan.

viii. Kesimpulan

Remaja merupakan golongan yang masih muda, mempunyai tenaga fizikal yang kuat dan minda yang cerdas. Sunggupun begitu periode remaja dipenuhi dengan pelbagai cabaran; dari dalam diri mereka akibat perubahan biokimia dalam tubuh mereka dan dari persekitaran mereka. Oleh itu, remaja perlu dibantu dan dibimbing

⁹⁸ Makhdzir Mardan (2000), "Mendaki Zaman Perubahan yang Berterusan", dalam Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh, *Memahami Islam Melalui Teknologi Makhumat*. Kuala Lumpur: IKIM, h. 19-21

⁹⁹ *Ibid.*, h. 21

dengan penuh kasih sayang dan harapan agar mereka membesar sebagai manusia yang juga memiliki perasaan kasih sayang dan sentiasa mengharapkan kebaikan pada diri mereka dan orang lain.

2.2.2 Pendidikan Remaja

i. Tanggung jawab Pendidikan

Masalah remaja dan cabaran terhadap pendidikan mereka memerlukan usaha pendidikan yang serius ke arah membentuk mereka menjadi remaja yang dikehendaki oleh ajaran Islam. Allah s.w.t. telah mempertanggungjawabkan kepada ibu bapa agar memelihara diri mereka, anak-anak mereka dan ahli keluarga mereka daripada azab neraka.¹⁰⁰ Menurut *Tafsir Ibn Kathir*, memelihara anak-anak dan ahli keluarga daripada azab neraka bermaksud mendidik mereka supaya berbudi pekerti yang baik, memberikan ilmu pengetahuan kepada mereka, mengajarkan mereka untuk taat akan Allah s.w.t. dan bertakwa daripada memaksiatkan Allah s.w.t. Setiap muslim perlu mendidik ahlinya yang terdiri daripada kaum kerabat, pembantu dan hambanya tentang apa yang difardhukan oleh Allah s.w.t dan apa yang dilarangNya.¹⁰¹

Tanggung jawab pendidikan ini tidak terhad atas bahu ibu bapa sahaja malahan para guru atau pendidik bahkan setiap anggota masyarakat perlu memandang serius

¹⁰⁰ Lihat al-Quran surah al-Taḥrīm: ayat 6

¹⁰¹ Ibn Kathir (1988), *Tafsir al-Qur'an al-'Āzīm*, j. 4. Al-Qāhirah: Dār al-Hadīth, h. 387

hal ini, kerana setiap orang mempunyai tanggung jawab terhadap orang yang berada di bawah jagaannya dan pelaksanaan tanggung jawab itu akan disoal oleh Allah s.w.t. pada Hari Akhirat kelak¹⁰²

ii. Matlamat Pendidikan Remaja dalam Konteks Islam

Matlamat pendidikan Remaja dalam konteks Islam adalah terangkum dalam tujuan pendidikan Islam itu sendiri, iaitu untuk membentuk keperibadian remaja muslim yakni keperibadian yang menyerahkan dirinya kepada Allah s.w.t., dengan beribadah kepadanya dan berusaha mendapat kebahagian dunia dan akhirat¹⁰³ seperti yang dijelaskan oleh Imam Hasan al-Banna iaitu remaja yang memiliki akidah yang sejahtera (*salīm al-'aqīdah*), ibadah yang benar (*sāhiḥ al-'ibādah*), akhlak yang mantap (*maṭīn al-khuluq*), pintar akal fikiran (*muthaqqaf al-fikr*), kuat tubuh badan (*qawiyy al-baniyyah*), pandai mengurus pendapatan (*qadīran 'alā al-kashb*), terurus kerjanya (*munazzaman fi' syu'uñih*), menjaga masanya (*hāriṣan 'alā waqtih*) dan bermanfaat bagi orang lain (*nāfi'an li ghairih*)¹⁰⁴

¹⁰² Muhammad Nūr bin 'Abd al-Hafiz Suwaid (1992), *op.cit.*, h. 25

¹⁰³ Abdul Halim Hj. Mat Diah, *op.cit.*, h. 58

¹⁰⁴ *Nāḥwa Jil al-Muslim*, al-Markaz al-Islāmī li al-Dirāsāt wa al-Buḥūth Majallah al-Da 'wah, al-Qāhirah, t.t., h. 28

iii. Elemen-elemen Utama Dalam Pendidikan Remaja

Elemen utama dalam aktiviti pendidikan adalah *manhāj*, *murabbi*^r, anak didik dan persekitaran. Penting juga diberi berhatian ialah pusat-pusat atau institusi pendidikan yang saling berhubungan dalam proses pendidikan iaitu keluarga atau rumah-tangga, sekolah dan masyarakat yang merangkumi organisasi-organisasi dalam masyarakat dan rumah-rumah ibadah.¹⁰⁵

a. *Manhāj*

*Manhāj*¹⁰⁶ pendidikan remaja Muslim haruslah bersandar kepada dalil dan nas dari al-Quran dan al-Sunnah. Ia juga mendahulukan perkataan sahabat r.a atas yang lain. *Manhāj* ini juga harus luas dan sempurna tidak terbatas kepada beberapa aspek sahaja.¹⁰⁷ *Manhāj* ini harus berperanan untuk mengembalikan jiwa-jiwa manusia kepada fitrahnya yang *salimah* yang mana asas bagi fitrah ini adalah tauhid.¹⁰⁸

b. *Murabbi*^r

Murabbi^r adalah mereka yang menjalankan pendidikan baik ibu bapa, penjaga, guru dan sesiapa sahaja yang berperanan mendidik anak didik. *Murabbi*^r perlu

¹⁰⁵ Abdul Halim Hj. Mat Diah (1987), *ibid.*, h. 68

¹⁰⁶ *Manhāj* bermaksud jalan yang mudah, prosedur, metode, program dan kurikulum. *Minhāj* bermaksud jalan, cara. Lihat Hans Wehr (1980), *op.cit.*, h.102

¹⁰⁷ al-Hijazy (2001), *op.cit.*, h. 294

¹⁰⁸ Muhammad Shadid (t.t.), *Manhāj al-Qur'an fi al-Tarbiyyah*. T.T.P.: Dār al-Tauzī ' wa al-nasyr al-Islāmiyah, h., 60

memiliki kualiti yang membolehkannya memikul tanggungjawab pendidikan sebaik mungkin seperti mempunyai keimanan yang mendalam, kefahaman yang betul tentang Islam, akhlak yang mantap, sanggup berjihad untuk mendidik, tidak takut celaan orang serta tidak pula besar hati dengan pujian, berhati hati dalam mendidik, tidak berasa cukup dengan ilmunya, mengamalkan ilmunya, takut akan Allah s.w.t dan teratur dalam kerja-kerjanya hingga semua kualiti itu dapat menjadi *qudwah hasanah* bagi anak didiknya.¹⁰⁹

c. Anak Didik (Remaja)

Bagi remaja atau sesiapa sahaja yang menjadi anak didik harus memiliki adab dan akhlak yang akan membantunya dalam meraih ilmu yang dicarinya. Menjadi tanggung jawab *murabbī* untuk membina kualiti tersebut dalam diri anak didik atau remaja agar mereka dapat memetik faedah sebanyak mungkin daripada peluang yang ada dalam menuntut dan mencari pengalaman. Antara kualiti tersebut adalah menjauhi kemaksiatan dan sentiasa menundukkan pendangannya dari hal-hal yang haram dipandang, menjauhi tempat atau majlis yang sia-sia, sentiasa menjaga waktunya, tidak berbicara ketika guru mengajar, tidak berasa bangga diri dengan ilmu yang ada, sentiasa beramal dengan ilmunya agar ilmu tersebut tidak hilang daripadanya dan sedar bahawa belajar itu adalah ibadah serta pahala dari Allah menantinya di Akhirat nanti, sentiasa bertanya jika tidak faham, rakus dan bersungguh menuntut ilmu, meluruskan niatnya yakni belajar dalam rangka

¹⁰⁹ al-Hijazy (2001), *op.cit.*, h.298-305

mencari keredaan Allah s.w.t., sentiasa bersama dan mendengar nasihat murabbinya, menghormati dan melembutkan suaranya terhadap murabbinya¹¹⁰

d. Persekutaran (*bî'ah*)

Persekutaran adalah salah satu elemen yang penting dalam pendidikan pada mananya peringkat umur khasnya ketika periode remaja yang mana dalam periode ini mereka sedang dalam proses mencari *role model*. Persekutaran boleh mempengaruhi watak seseorang. Persekutaran yang sihat dapat mempengaruhi pembentukan watak yang sihat manakala persekitaran yang dipenuhi dengan gejala yang tidak sihat akan mempengaruhi pembentukan watak yang buruk.

iv. Pusat-pusat atau Institusi-institusi Pendidikan Remaja

a. Keluarga atau rumah tangga

Ibu bapa dan keluarga mempunyai kedudukan yang tinggi dalam pendidikan anak-anak dan tidak berkurangan ketika mereka sudah meningkat remaja.¹¹¹ Dalam realiti sekarang, sifat taat kanak-kanak kebanyakannya mulai pudar apabila mereka menginjak usia remaja akibat perkembangan mental dan pengaruh persekitaran. Percanggahan pendapat dengan ibu bapa mungkin berlaku.¹¹²

¹¹⁰ *Ibid.*, h. 311-320

¹¹¹ Ahmad 'Uthmân (1992), *ibid.*, h. 267

¹¹² Dr. Julian Melgosa (2001), *To Adolescents and Parents*. Madrid, Spain: Editorial Safeliz, h. 62

Ibu bapa perlu berhati-hati dalam memilih teknik pendidikan anak-anak atau *parenting* sama ada permisif,¹¹³ longgar,¹¹⁴ autokratik¹¹⁵ atau demokratik.¹¹⁶ Dalam kajian yang dibuat di Bandar Padang, Sumatera Barat, Indonesia, mendapati bahawa remaja yang melalui gaya disiplin autokratik lebih berjaya dalam pencapaian akademik, lebih memiliki personaliti ketabahan, agresif, menguasai, dan personaliti teratur. Gaya disiplin demokratik lebih berjaya membentuk personaliti penghormatan dan prihatin. Gaya disiplin permisif lebih berkemampuan menghasilkan remaja yang berpersonaliti menonjolkan diri, autonomi (berdikari), berkawan, empati (berperasaan), dan dapat bergaul dengan jantina yang berlainan.¹¹⁷ Secara umumnya gaya disiplin demokratik lebih sesuai diamalkan, namun dalam beberapa aspek tertentu ibu bapa juga perlu menggunakan pendekatan autokratik terutama bagi membentuk personaliti pencapaian remaja. Tindakan memberikan kebebasan yang keterlaluan tanpa bersandarkan kepada ajaran agama, melalui gaya disiplin permisif dan longgar banyak mendatangkan keburukan kepada remaja.¹¹⁸

Sepercara lagi, terdapat ibu bapa yang menganggap bahawa tugas mereka sudah selesai apabila anak-anak mereka berada di sekolah. Sebenarnya hubungan baik antara ibu bapa dengan sekolah dapat membantu pembelajaran yang efektif.

¹¹³ Memberikan sokongan emosi tetapi kurang mengawal anak-anak

¹¹⁴ Sangat longgar dalam pendisiplinan dan tidak memberikan masa untuk mendengar dan memberi galakan

¹¹⁵ Kurang memberikan sokongan emosi tetapi mengadakan kawalan ketat

¹¹⁶ Mengawal dan dalam masa yang sama memberikan sokongan emosi. Mendengar pendapat anak-anak tetapi keputusan muktamad dibuat oleh ibu bapa.

¹¹⁷ Azimi Hamzah *et.al.* (2002), "Gaya Disiplin Ibu Bapa dan Pembentukan Personaliti Remaja", dalam Lukman Z. Mohamad *et.al.* (ed.), *ibid.*, h. 221-228

¹¹⁸ *Ibid.*, h. 229

Ibu bapa perlu prihatin perkembangan anak-anak mereka di sekolah dan membantu sekolah dengan menyumbangkan kemahiran yang ada pada mereka.¹¹⁹

b. Sekolah

Sekolah adalah sebuah masyarakat yang tersendiri dalam masyarakat yang lebih besar. Di sekolah remaja dan kanak-kanak mendapat bimbingan akademik, pembinaan sahsiah, penerapan rasa bertanggungjawab dan kemahiran bergaul. Namun sekolah tidak boleh berdiri sendiri. Jika sekolah tidak dibantu oleh kekuatan dari luar (rumah tangga dan masyarakat), usaha-usaha sekolah tidak akan berjaya.¹²⁰

c. Masyarakat

Organisasi-organisasi dalam masyarakat dan tempat-tempat ibadah perlu memberi sokongan kepada pendidikan remaja kerana masyarakat sememangnya menghendaki mereka menjadi insan yang baik dan berguna. Kesan negatif media terhadap remaja amatlah disesali.

Antara institusi pendidikan yang penting dalam masyarakat ialah masjid. Masjid pada zaman Rasulullah s.a.w. bukan sahaja merupakan tempat ibadat tetapi juga merupakan tempat belajar khasnya bagi *ahl al-suffah*. Oleh itu pada masa ini,

¹¹⁹ Leonard H. Clark and Irving S. Stern (1964), *Secondary School Teaching Methods*. New York: The MacMillan Company, h. 311

¹²⁰ AKC Ottaway (1962), *Education and Society*. London: Routledge and Keegan Paul, h. 185-188

masjid juga harus menjadi pusat latihan rohani dan akhlak kerana ia memiliki suasana yang sangat sesuai untuk itu. Masjid-masjid perlu merancang program pendidikan harian dan musim cuti sekolah untuk remaja dan kanak-kanak¹²¹ bagi membantu ibu bapa dan sekolah melahirkan generasi yang *sâlih*.

Sesungguhnya pendidikan adalah suatu yang bersifat holistik. Oleh itu ia perlu dilaksanakan secara bersepadu. Setiap pihak perlu memainkan peranan masing dan saling bantu membantu dalam merealisasikan matlamat pendidikan khasnya pendidikan Islam.

v. Teknik-teknik Pendidikan Remaja

a. Pendidikan Melalui Teladan

Ini adalah salah satu teknik pendidikan yang berkesan kearah menghasilkan kejayaan.¹²² Anak-anak harus memperolehi teladan yang baik daripada ibubapa dan manusia harus memperolehi teladan yang baik daripada masyarakatnya agar dapat membina sifat dan adab-adab yang sesuai dengan ajaran Islam. Masyarakat harus memperolehi teladan yang baik daripada pemimpin-pemimpin mereka agar dapat membentuk keperibadian yang mulia.¹²³

¹²¹ *The Muslim World League Journal*, j. 28, February 2001, h. 11

¹²² Muhammad Qutub (1984), *Sistem Pendidikan Islam*, op.cit., h. 221

¹²³ *ibid*, h. 228

b. Pendidikan Melalui Nasihat

Dalam jiwa manusia terdapat kecenderungan untuk terpengaruh oleh kata-kata yang didengar. Kecenderungan itu ada kalanya kuat dan ada kala lemah, oleh itu kata-kata itu harus di ulang-ulangkan agar kesannya berpanjangan. Nasihat mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan teladan yang baik. Jika tersedia teladan yang baik, maka nasihat akan sangat berpengaruh kepada jiwa, apatah lagi di kalangan remaja yang sudah mula memiliki kematangan fikiran.¹²⁴

c. Pendidikan Melalui Hukuman dan Ganjaran

c(i) Hukuman

Sekiranya teladan dan nasihat tidak dapat menghasilkan natijah yang dihajati, maka tindakan yang tegas atau hukuman perlu digunakan bagi membawa anak didik berada di atas landasan yang sebenarnya. Bentuk hukuman itu berbeza mengikut perbezaan penerimaan anak didik; ada yang memadai dengan isyarat dari jauh, ada yang hanya akan berubah dengan melihat marah yang nyata, ada pula yang memerlukan ancaman hukuman untuk berubah, ada pula yang perlu didekatkan rotan kepadanya sampai betul-betul ia melihat rotan itu dan ada pula yang begitu keras hatinya hingga perlu merasakan kesakitan daripada hukuman itu, barulah ia akan berubah.¹²⁵

¹²⁴ *Ibid.*, h. 230

¹²⁵ *Ibid.*, h. 233-236

c(ii) Ganjaran

Bagi anak-anak yang meningkat remaja, motivasi yang berterusan daripada ibu bapa dan pendidik sangat diperlukan. Peringkat remaja adalah peringkat yang kritikal kerana nilai dan sikap yang dipelajari semasa kanak-kanak, jika terus dipupuk pada peringkat remaja, akan menjadi sesuatu dan sebatи dalam jiwa mereka. Remaja akan berasa disayangi dan dihargai sekiranya kebaikan yang mereka lakukan dan kejayaan yang mereka perolehi mendapat penghargaan daripada ibu bapa, guru dan masyarakat. Dr. Ahmad Shalaby menyatakan bahawa apabila nampak pada diri anak itu suatu perbuatan yang terpuji, maka sepanasnyaalah perlu diberikan penghormatan dan tanda penghargaan berupa sesuatu yang dapat menggembirakannya dan memujinya di hadapan orang lain.¹²⁶

d. Pendidikan Melalui Cerita

Cerita memiliki daya penarik yang dapat menyentuh rasa hati. Orang yang membaca atau mendengar sesebuah cerita secara tidak langsung akan berinteraksi dengan jalan cerita dan watak-watak yang terdapat dalam cerita tersebut.¹²⁷ Antara cerita yang sangat perlu disampaikan kepada para remaja ialah tentang Rasulullah s.a.w. dan sahabat-sahabat baginda kerana tidak ada orang lain yang telah memainkan peranan yang begitu penting dalam sejarah kemanusiaan melainkan

¹²⁶ Prof. Dr. Ahmad Shalaby (1976), *Sejarah Pendidikan Islam*. Prof. H Muchtar Jahja dan Drs. M Sanusi Latief (terj.), Singapura: Pustaka Nasional, h. 248

¹²⁷ Muhammad Qutub (1984), *Sistem Pendidikan Islam*, op.cit., h. 237

baginda Rasulullah s.a.w. dan para sahabat r.a. Sifat-sifat kemansiaan baginda dan para sahabat r.a. dan hubungan mereka dengan Allah s.w.t. adalah suatu yang sangat baik untuk diteladani oleh manusia sejagat.¹²⁸

e. Pendidikan Melalui Pembiasaan

Manusia telah dapat mengubah sifat binatang melalui latihan pembiasaan. Begitulah juga naluri manusia boleh dibentuk melalui latihan pembiasaan.¹²⁹ Teknik ini boleh digunakan sama ada kepada anak didik yang masih bersih atau yang telah ‘rosak’ dan perlu ‘diperbaiki’.¹³⁰ Yang perlu diberi perhatian ialah ada contoh yang baik dan kebiasaan itu dilatih secara berterusan.

f. Pendidikan Melalui Perhatian

Yang dimaksud dengan perhatian ialah sentiasa prihatin dan memberikan perhatian terhadap perkembangan anak didik dalam pembinaan akidah, pelaksanaan ibadah, pembentukan akhlak dan selalu bertanya tentang hal ehwal jasmani, perkembangan ilmu dan pelajaran mereka. Perhatian juga perlu diberikan kepada perkembangan sosio-emosi mereka serta perhubungan mereka dengan Allah s.w.t. Disamping itu perlu juga diberi perhatian sejauh mana kemampuan mereka untuk *mujāhadah nafsiyyah* dan *rūhiyyah*, hafazan dan amalan doa-doa yang *ma'thūr* daripada Rasulullah s.a.w. setiap pagi dan petang. Perhatian juga harus diberikan terhadap

¹²⁸ Ali Shari'ati (1979), *On the Sociology of Islam*. Hamid Algar (terj.), Bekerley: Mizan Press, h.

¹²⁹ Abd Allah Nāsiḥ ‘Ulwan (1985), *op.cit.*, j. 2, h. 639

¹³⁰ *Ibid.*, h. 640

hubungan sosial mereka, sama ada mereka menunaikan hak orang lain dan jika mereka melanggar adab-adab sosial dan terdapat salah laku perlu segera dibetulkan.¹³¹ Seperkara lagi yang amat penting ialah perhatian juga perlu diberikan terhadap siapa mereka berkawan kerana seseorang itu akan mengikut cara hidup rakannya¹³²

g. Pendidikan Melalui Ikatan

Dimaksudkan dengan ikatan ialah mendekatkan anak dengan orang-orang tertentu agar ia dapat mempelajari kebiasaan dan pengetahuan yang baik. Antaranya ialah:

g(i) Ikatan dengan pembimbing (*murshid*)

Jika remaja itu mempunyai ikatan atau hubungan dengan pembimbing yangikhlas dan *sâlih* serta memahami Islam dengan kefahaman yang sebenar, ini membolehkannya sampai kepada kesempurnaan iman, kefahaman, akhlak, dan ibadah melalui interaksi secara formal dan tidak formal dengan pembimbing tersebut.¹³³

¹³¹ *Ibid.*, h. 641-706

¹³² *Ibid.*, 636

¹³³ *Ibid.*, h. 797

g(ii) Hubungan dengan sahabat yang šālih

Jika seseorang remaja itu mendapat bimbingan daripada guru atau pembimbing yang *rabbāni*¹³⁴ tetapi ia bersahabat dengan rakan-rakan yang tidak mempunyai darjah kesedaran dan kefahaman Islam yang baik, dikhuatiri remaja itu akan terpengaruh dengan aspek-aspek negatif yang diperolehi semasa pergaulannya.¹³⁴ Bersahabat dengan orang yang saleh ibarat duduk berhampiran penjual minyak wangi, jika tidak membeli minyak wangi pun, sekurang-kurangnya akan mendapat baru harumnya. Manakala bersahabat dengan sahabat yang buruk perangainya ibarat berada berhampiran tempat melebur logam, akan terasa bahang panasnya.

g(iii) Hubungan dengan dakwah dan pendakwah

Dalam ikatan atau hubungan dengan dakwah dan pendakwah, remaja dapat disemai ruh dakwah kepada Allah s.w.t., berani dalam kebenaran dan berakhlik dengan sifat sabar.¹³⁵

h. Pendidikan Melalui Pemerhatian

Hal ini diambil iktibar daripada amalan Khalifah ‘Umar bin al-Khaṭṭab yang selalu meronda memerhatikan keadaan dan keperluan penduduk Madinah.¹³⁶ Melalui penyeliaan atau pemerhatian. Pengetua dan guru besar dapat mengenalpasti

¹³⁴ *Ibid.*, h. 809

¹³⁵ *Ibid.*, h. 819

¹³⁶ Dr. Majid Ali Khan (1982), *op.cit.*, h. 93

kekuatan dan kelemahan pelaksanaan kurikulum¹³⁷ dan melalui pemerhatian, ibu bapa dapat melihat tindak tanduk anak-anak mereka sama ada ketika bersendirian ataupun bersama orang lain.

i. Pendidikan Melalui Penulisan

Rasulullah s.a.w. mempunyai lebih daripada 15 orang penulis. Mereka menulis wahyu setelah baginda menerima daripada Allah s.w.t. dan menulis surat-surat kepada raja-raja untuk menyampaikan ajaran Islam.¹³⁸

Penerbitan bahan bacaan untuk kanak-kanak dan remaja adalah satu bidang yang khusus dan memerlukan bentuk penerbitan yang tersendiri. Umat Islam mengalami kerugian dalam mendidik kanak-kanak dan remaja mereka dengan mengabaikan bidang ini.¹³⁹ Penerbitan Islam selalunya tidak menarik¹⁴⁰ berbanding dengan bahan bacaan untuk remaja yang ada di pasaran kini seperti Gila-gila, Ujang , Gempak, Remaja dan sebagainya. Malangnya kebanyakan bahan bacaan tersebut tidak menjurus kepada pembetukan sahsiah Islam yang dikehendaki Islam. Sebagai contohnya Majalah Gempak¹⁴¹ keluaran 1 Ogos 2003 menyelitkan gambar-gambar *celebrities* wanita dengan pakaian yang tidak sopan pada muka tengahnya

¹³⁷ Omar Mohd Hashim (1991), *Pengisian Misi Pendidikan*. Kuala Lumpur: DBP, h. 284

¹³⁸ As Syeikh Abdul Fattah Abu Ghuddah (2001), *Nabi Muhammad Guru dan Pendidik Terulung*. Hj. Shuhadak Mahmud (terj.). Bahau, Negeri Sembilan: M Khairani Enterprise, h. 277

¹³⁹ Hisham al Talib (1991), *Panduan Latihan bagi Petugas Islam*. Virginia, AS: The International Islamic Federation of Student Organisations, h. 27

¹⁴⁰ *Ibid.*, h. 31

¹⁴¹ Majalah ini digemari oleh kelompok praremaja dan awal remaja. Ia memuatkan maklumat tentang pelbagai jenis senjata dan cerita-cerita peperangan.

selain daripada majalah ini menggunakan bahasa yang tidak standard iaitu bahasa slanga atau bahasa pasar seperti sume, gi, kat, jek, dan sebagainya.¹⁴²

Bahan-bahan bacaan seumpama ini menghalang golongan muda daripada mendapat ilmu pengetahuan yang sebenar dan tidak memberikan standard baik buruk yang betul. Akibatnya mereka memasuki alam dewasa dalam keadaan bingung yang berkemungkinan memutuskan mereka daripada budaya dan nilai asal mereka.¹⁴³ Bahan bacaan Islam untuk remaja kini perlu disampaikan dalam bentuk yang menarik dan kreatif di samping mampu membawa mesej Islam yang sebenarnya.

j. Pendidikan Melalui Program Latihan dan Pembangunan

Latihan adalah satu set program yang berkaitan pembelajaran, peningkatan kemahiran dan keupayaan melaksanakan sesuatu. Pembangunan pula adalah satu set program yang berkaitan peningkatan kemahiran analitikal dan kepimpinan. Terdapat hubungan yang rapat antara latihan dan pembangunan dengan pendidikan di mana pendidikan merupakan pemerolehan ilmu pengetahuan yang boleh digunakan untuk memperbaiki fakulti-fakulti, tingkah laku dan kemahiran manusia.

¹⁴² *Komik Generasi Baru Gempak*, Art Square Creation Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, isu 65, 1 Ogos 2002

¹⁴³ Ahmad Von Denfer (1985), *Iman*. Kuala Lumpur: The Regional Islamic Da'wah Council of South East Asia and the Pacific (RESEAP), h. 2

Usaha untuk memperbaiki fakulti, tingkah laku dan kemahiran tersebut dapat dilakukan melalui program latihan dan pembangunan.¹⁴⁴

Program latihan dan pembangunan adalah perlu bagi remaja agar mereka berada dalam suatu enviromen pendidikan yang dirancang untuk membina rasa tanggung jawab, mengajar kemahiran-kemahiran tertentu dan menyediakan bakal-bakal pemimpin masa hadapan.¹⁴⁵ Antara elemen yang perlu ada dalam program latihan dan pembangunan ialah perancangan, penentuan standard yang ingin dicapai, perhubungan, pelan tindakan, penilaian, kawalan dan pembinaan pasukan.¹⁴⁶

Antara teknik-teknik yang boleh digunakan dalam pengendalian program latihan dan pembangunan adalah ceramah umum atau kuliah, bengkel, seminar, perkhemahan, lakonan, persidangan, tumpuan individu (seperti program keluarga angkat dan pembimbing rakan sebaya), panel diskusi atau forum, debat, sumbang saran, demonstrasi (tunjuk cara), permainan, kumpulan belajar (study group)¹⁴⁷, *halqah*¹⁴⁸ dan usrah (kumpulan perbincangan)¹⁴⁹. Dewasa ini latihan dan pembangunan menjadi semakin relevan untuk mencapai matlamat organisasi.¹⁵⁰

¹⁴⁴ Hisham al Talib (1991),*op.cit.*, h. 9

¹⁴⁵ Dugan Laird (1985), *Approaches to Training and Development*. USA: Addison Wesley Publishing Company, Inc., h. 16

¹⁴⁶ Hisham al-Talib (1991),*op.cit.*, h. 106-136

¹⁴⁷ *Ibid.*, h. 309-317

¹⁴⁸ Anak didik yang belajar dalam bulatan daripada seorang guru. Lihat Hans Wehr, *op.cit.*, h. 202

¹⁴⁹ *Adab-adab Usrah Ikhwan Muslimun*. (terj.). Teras Bakti Publishing, Seri Kembangan, 1999, h. 40-45

¹⁵⁰ Dugan laird (1985), *op.cit.*, 13

Organisasi serta institusi Islam seperti masjid dan surau, sekolah-sekolah agama dan persatuan Islam perlu memanfaatkan sepenuhnya teknik ini.

k. Pendidikan Melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Teknologi maklumat dan komunikasi adalah rangkuman dua teknologi iaitu teknologi maklumat (IT) dan teknologi komunikasi. IT adalah sebarang bentuk teknologi, peralatan dan teknik yang digunakan untuk mengendalikan maklumat.¹⁵¹ Teknologi komunikasi pula adalah teknologi yang digunakan untuk perhubungan dan antara alat-alatnya ialah telefon, faksimili, radio, televisyen, satelit dan sebagainya. Hari ini ICT digunakan dalam bidang komersil, industri, pentadbiran, pendidikan, profesional, perubatan, saintifik dan kegunaan rumah.¹⁵²

Globalisasi adalah produktiviti dan efisiensi berdasarkan pengembangan teknologi dan ekonomi secara global. Dalam globalisasi, jarak dari segi geografi tidak menjadi penghalang atau biasa disebut dunia tanpa sempadan. ICT dan globalisasi sepatutnya merupakan peluang bagi penyebaran dakwah dan perkembangan pendidikan Islam memandangkan Islam adalah agama global.¹⁵³ Antara cara-cara yang boleh dilakukan bagi memanfaatkan ICT untuk pendidikan remaja ialah:

¹⁵¹ Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh (2000), "Merombak dan Membentuk Imej Islam dengan Teknologi Maklumat dan Komunikasi", dalam Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh (ed.), *Memahami Islam Melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi*. Kuala Lumpur: IKIM, h. 38

¹⁵² *Ibid.*, h. 39

¹⁵³ Muhammad 'Uthman El-Muhammady (2000), "Adaptasi Pendekatan Dakwah Dalam Era Globalisasi", dalam Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh (ed.), *ibid.*, h. 59-60

- k(i) Membina laman web atau *homepage* yang bercirikan Islam
- k(ii) Mengadakan kumpulan berita Islam atau *Islamic newsgroup*
- k(iii) Mewujudkan perbualan geganti internet atau *internet relay chat (IRC)* yang Islamik
- k(iv) Soal jawab atau *frequently asked questions (FAQ)*
- k(v) Perpustakaan digital Islam atau *Islamik digital library*¹⁵⁴
- k(vi) Membina perisian atau *software* pendidikan, didik-hibur, hiburan dan permainan yang bercirikan Islam¹⁵⁵
- k(vii) Mewujudkan stesen Radio Islam.¹⁵⁶

I. Pendidikan Melalui Aktiviti Seni

Hiburan dan pendidikan telah menjadi dua bidang yang saling melengkapi sejak kewujudan manusia. Penghibur telah memainkan peranan sebagai pendidik masyarakat sepanjang sejarah sejak perkembangan sastera lisan. Antara teknik yang digunakan ialah pementasan, lagu-lagu, cerita, sajak, syair, penulisan kreatif,

¹⁵⁴ Shaikh Mohd Saifuddin bin Shaikh Mohd Salleh (2000), *Op.cit.*, h. 45

¹⁵⁵ Perisian ini begitu banyak mendominasi pasaran ICT dan telah banyak digunakan oleh kanak-kanak dan remaja Muslim. Sebagai contoh disebutkan beberapa contoh seperti Metal Slug Series, Red Alert, Counter Strike (perisian permainan), Star Wars dan Small Soldiers (hiburan) dan banyak lagi yang menampilkan imej barat dan tidak sesuai dengan nilai Islam. Sepatutnya pakar-pakar Muslim dalam bidang ICT menghasilkan perisian sebegini yang bercirikan Islam bagi menggantikan perisian-perisian yang memaparkan nilai dan budaya barat yang negatif.

¹⁵⁶ Kelahiran stesen radio IKIM dot fm memberikan nafas baru dalam arena dakwah dan pendidikan remaja muslim

drama,¹⁵⁷ lukisan dan filem. Orang-orang Madinah ketika menyambut kedatangan Rasulullah s.a.w. menyanyi yang terjemahannya adalah, "Bulan purnama telah muncul, terbit dari Lembah Wida", patut kita bersyukur kepadaNya, selagi pengikut setianya hidup dan berdoa."¹⁵⁸ Rasulullah s.a.w. dan para sahabat r.a. menyanyikan *rajaz* ketika pembinaan Masjid di Madinah.¹⁵⁹ 'Abd Allāh bin Rawahah,¹⁶⁰ Ijasan bin Thābit dan Ka 'b bin Mālik¹⁶¹ adalah penyair Rasulullah s.a.w.

Dari segi teori pendidikan, lagu-lagu memberi kesan kepada domain afektif dengan mewujudkan sikap positif terhadap pembelajaran melalui keseronokan menyanyi dan terhadap domain kognitif melalui pengulangan yang konsisten. Melalui lagu kemahiran berbahasa dan mendengar dapat dilatih.¹⁶² Dengan penguasaan hiburan dalam kehidupan remaja kini, adalah perlu pendekatan yang kreatif dalam bidang kesenian Islam untuk menjadikannya sebagai sarana pendidikan yang senang didekati oleh para remaja.¹⁶³

¹⁵⁷ ChuckIII's College Resources: Role of Entertainers as Educators, http://www.chuckiii.com/Reports/Education/Role_of_Entertainers_as_Educators1.shtml, 17 Nov. 2002

¹⁵⁸ 'Allama Shibli Nu'mani (1979), *Sirat-un-Nabi*, j. 1. M. Tayyib Bakhsh Budayuni (terj.), Lahore: Kazi Publications., h. 248

¹⁵⁹ Ibn Ishaq (1978), *The Life of Muhammad*, c. 5. A. Guillaume (terj.), Karachi: Oxford University Press, h. 229

¹⁶⁰ Shibli Nu'mani (1979), *Op.cit.*

¹⁶¹ Ibn Ishaq (1978), *Op.cit.*, 405

¹⁶² Reasons for Using Songs in the ESL/EFL Classroom, <http://iteslj.org/Articles/Schoepp-Songs.html>, 17 November 2002

¹⁶³ Bukan setakat bidang seni, bidang sukan juga telah mendominasi kehidupan remaja kini. Adalah perlu ditubuhkan kelab-kelab sukan yang berimej Islam dan dijana ahli sukan yang bersahsiah Islam agar mereka menjadi idola remaja bagi menyaingi idola-idola sukan yang tidak memiliki sahsiah Islam.

2.3 Kesimpulan

Masyarakat manusia kini dilanda penyakit sosial yang tenat. Siapakah lagi yang akan memainkan peranan untuk mengubati ketenatan ini pada masa hadapan kalau tidak golongan muda yang mana remaja adalah sebahagian besar daripadanya. Merekalah harapan masyarakat kini untuk membawa hidayah dan perubahan serta menjadi rahsia kebangunan dan kelangsungan umat.¹⁶⁴

Allah s.w.t telah menggambarkan dalam al-Quran tentang peranan golongan muda dalam peristiwa *ashāb al-kahf*¹⁶⁵ yang telah mengorbankan hidup mereka demi memelihara iman. Sayyid Quṭb menjelaskan bahawa peristiwa tersebut adalah berkaitan pemuda beriman yang diberi petunjuk oleh Allah s.w.t. untuk bersembunyi di dalam sebuah gua. Mereka adalah pemuda yang mengingkari *manhāj* yang salah yang diikuti oleh kaum mereka. Sesungguhnya mereka adalah pemuda yang mempunyai kekuatan fizikal, keteguhan iman dan tegas dalam menolak jalan kaum mereka. Mereka bukan rasul, tetapi mereka adalah pemuda yang diberi hidayah oleh Allah s.w.t. di tengah-tengah kezaliman kekufuran. Mereka mengisyiharkan akidah mereka, memilih jalan takwa dan ibadah kepada Allah s.w.t. serta membawa *dīn* mereka kepada Allah s.w.t. Dalam kisah ini terdapat suatu yang menakjubkan bagi jiwa orang-orang yang beriman. Mereka adalah para pemuda yang meninggalkan kaum mereka, yang berhijrah dari kampung halaman mereka, yang berpisah daripada ahli keluarga mereka dan

¹⁶⁴ Abd Allāh Nāsiḥ ‘Ulwān (1985), *Hattā Ya ‘lāma al-Shabāb*, c. 6. al-Qāhirah: Dār al-Salām, h.

¹⁶⁵ 150

¹⁶⁵ Lihat al-Quran Surah al-Kahfi: ayat 13

meninggalkan perhiasan keduniaan dan kesenangan hidup serta mengharapkan rahmat Allah s.w.t. Tiada lain yang memungkinkan mereka bertindak demikian melainkan kekuatan iman.¹⁶⁶

Berdasarkan ruh peristiwa di atas, pendidikan remaja muslim kini amat perlu diberikan perhatian kerana mereka adalah pewaris kepimpinan umat. Pada diri mereka tenaga, kemampuan dan kepintaran. Sesungguhnya jiwa mereka perlu diasaskan dengan iman kerana ia adalah faktor utama untuk menghindarkan remaja daripada terjebak dalam gejala sosial.¹⁶⁷ Mereka perlu dilatih dengan *murāqabah* Allah s.w.t. serta mengikhaskan niat pada ketika bersendirian mahupun bersama orang lain agar dapat menghindari maksiat, menjauhi dosa serta menguasai nafsu. Dengan ini barulah Allah s.w.t akan memberikan kepada mereka kehidupan yang baik dan kejayaan yang hakiki di dunia dan akhirat.¹⁶⁸

¹⁶⁶ Sayyid Qutb (1994), *Fī Zilāl al-Qur'ān*, j. 4, c. 23. Bairūt. Dār al-Shurūq, h. 2261-2262

¹⁶⁷ Dr. Julian Melgoza (2001), *op.cit*, h. 176

¹⁶⁸ Abd Allāh Nāsih 'Ulwān (1985). *Hattā ya'luma al-Shabāb*, *op.cit*